

13 NOV 1996

Mahathir-Trinidad

MALAYSIA-TRINIDAD AND TOBAGO BINCANG KERJASAMA MINYAK DAN GAS

Oleh: Salmy Hashim

PORT-OF-SPAIN, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia dan republik Trinidad and Tobago pada Selasa telah membincangkan kemungkinan kerjasama dalam sektor minyak dan gas khususnya bagi kegiatan hiliran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menemui rakan sejawatannya Basdeo Panday, yang kagum dengan keupayaan Petronas meraih keuntungan sebelum cukai sebanyak US\$4 bilion (RM10 bilion) menjelang tahun depan.

Walaupun kaya dengan minyak dan gas, Trinidad and Tobago yang mempunyai satu juta penduduk masih menghadapi masalah pengangguran pada kadar 15 peratus.

Menurut Panday kadar itu adalah yang paling rendah dalam masa sembilan tahun.

Negara kepulauan kecil ini mempunyai antara 18 trilion dan 23 trilion kaki padu simpanan gas.

Sektor petroleum kekal sebagai teras ekonomi Trinidad and Tobago. Antara Januari dan Jun tahun ini, pengeluaran meningkat 1.6 peratus kepada 133,000 tong sehari.

Sebelum berlepas ke French Guiana, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa industri minyak dan gas serta yang memerlukan banyak tenaga kerja seperti pakaian dan elektronik mungkin dapat mengurangkan masalah pengangguran di negara itu.

Beliau berkata sebuah pejabat konsul kehormat boleh diwujudkan di sini untuk merintis jalan ke arah memupuk hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Untuk memulakan proses itu, ahli-ahli perniagaan dari sini dijangka melawat Malaysia untuk mengenal pasti keperluan mereka manakala usahawan Malaysia boleh datang ke sini kemudian.

Dr Mahathir berkata ahli-ahli perniagaan Malaysia akan mendapati negara ini menarik kerana lokasinya yang strategik.

Ini merupakan lawatan pertama beliau ke sini.

Dr Mahathir juga mengunjungi Presiden Noor Hasanali selain menemui 77 orang penuntut perubatan dari Malaysia.

Perdana Menteri juga melawat Point Lisas Industrial Port Development Corporation, sebuah syarikat besar di sini. -- BERNAMA

SAL MAI